

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 11 JUN 2015

RUJUKAN : 8071

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah orang yang didakwa di bawah Seksyen 375A Kanun Keseksaan dan sama ada Kerajaan merancang untuk menggubal undang-undang supaya suami/isteri boleh didakwa di bawah Seksyen 375 KK.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Secara amnya, Seksyen 375 Kanun Keseksaan [Akta 574] memperuntukkan bahawa persetujuan antara suami isteri dalam perkahwinan yang sah di sisi undang-undang dan masih berkuatkuasa tidak boleh dianggap sebagai rogol. Walau bagaimanapun, perbuatan suami yang mendatangkan kecederaan kepada isterinya bagi tujuan mengadakan hubungan seks dengan isterinya telah dijadikan suatu kesalahan di bawah Seksyen 375A Kanun Keseksaan berkuatkuasa mulai 7 September 2007. Hukuman bagi kesalahan ini ialah pemenjaraan tidak melebihi lima tahun.

Sejak seksyen ini mula diperkenalkan tiada lagi pendakwaan dibuat di Mahkamah di bawah seksyen 375A Kanun Keseksaan.

Statistik pesalah seksyen 375A bagi tahun 2014 dan 2015 (Januari - Mac) seperti berikut:-

TAHUN	2014	2015
Jumlah Pesalah	4	3
Pertuduhan	0	0
NFA	1	0
Dalam Siasatan	3	3

Berkaitan sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang supaya suami atau isteri boleh didakwa di bawah seksyen 375A bahawa suatu Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen telah

ditubuhkan bagi mengkaji peruntukan berkaitan *marital rape* ini dan dapatan Jawatankuasa Khas tersebut telah dibentangkan semasa pembentangan Rang Undang-Undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2004 pada 12 Julai 2006 seperti yang berikut:

“Satu lagi isu yang hangat dibangkitkan oleh kumpulan wanita di hadapan jawatankuasa ialah suami merogol isteri. Mereka yang hadir di hadapan jawatankuasa berpendapat bahawa penggunaan kekerasan untuk melakukan seks oleh suami terhadap isterinya itu adalah amat tidak bermoral dan merendahkan martabat seorang isteri. Mereka menghujah terdapat beberapa Negara lain yang telah memperjenayahkan suami mengadakan hubungan seks dengan paksa dengan isteri.

Setelah menimbangkan dari semua aspek, jawatankuasa tidak bersetuju bahawa suami merogol isteri, dengan izin, marital rape, dijadikan suatu kesalahan di Malaysia dengan alasan ia adalah bertentangan dengan undang-undang syariah dan agama lain. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa prihatin terhadap keluhan kumpulan wanita yang membangkitkan isu seorang isteri dipaksa dengan menggunakan kekerasan untuk mengadakan hubungan seks dengan suaminya.

Setelah mendengar hujah-hujah pihak yang berkaitan, jawatankuasa mengesyorkan supaya diadakan satu peruntukan khusus yang baru iaitu jika seorang suami melakukan kecederaan kepada isterinya atau meletakkan isterinya atau orang lain dalam ketakutan kematian atau

kecederaan dengan tujuan mengadakan hubungan seks, dia melakukan satu kesalahan yang boleh dihukum penjara tidak melebihi lima tahun. Pendirian ini tidak bertentangan dengan mana-mana prinsip agama. Dalam konteks ini apa yang ditekankan adalah kecederaan yang dilakukan oleh suami ke atas isteri".

Berdasarkan kajian dan dapatan yang telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Khas tersebut, Kerajaan memutuskan untuk mengekalkan peruntukan yang berkaitan di bawah Seksyen 375 Kanun Keseksaan memandangkan kesalahan yang berkaitan dengan mendatangkan kecederaan ke atas isteri bagi mengadakan hubungan seksual telah diperuntukkan di bawah Seksyen 375A Kanun tersebut. Walau bagaimanapun, apa-apa perubahan berkenaan perkara ini adalah bergantung kepada pendirian dan keputusan dasar oleh Kerajaan.